

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XXII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

14. Adakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam isu *deforestation* di Ulu Sungai Muda?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Ulu Muda merangkumi 163,103 hektar hutan hujan di Negeri Kedah yang “menadah” 96% air mentah untuk Negeri Kedah, 70% air mentah untuk Negeri Perlis dan lebih 80% air mentah yang diabstrak oleh Negeri Pulau Pinang dari Sungai Muda setiap hari. Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014, Negeri Kedah telah melesenkan pembalakan kepada 46,264 hektar hutan dalam tempoh 2009 - 2014, termasuk kawasan di Ulu Muda. Ini telah mengakibatkan pencemaran air serta kerosakan ketara kepada flora dan fauna di kawasan tersebut.

Kecukupan air mentah untuk Negeri Perlis, Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang adalah penting kerana ia memberi kesan kepada perkhidmatan bekalan air. Pembekalan air adalah perkhidmatan awam penting harian yang memastikan kesejahteraan rakyat di Wilayah Utara Malaysia, dan juga termasuk semua aktiviti sosioekonomi di Negeri Perlis, Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang. Kira-kira 4.09 juta orang di Negeri Perlis, Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang bergantung kepada Hutan Simpan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang telah menekankan bahawa fakta pembalakan di Ulu Muda

tidak hanya kepada isu perhutanan. Ia adalah ancaman ekologi setempat serta sosioekonomi serantau kepada 3 buah negeri di wilayah utara ini. Oleh yang demikian, pembalakan di Ulu Muda perlu dihentikan dengan segera disampingewartakan dan melestarikan kawasan Ulu Muda sebagai 'KAWASAN TADAHAN AIR WILAYAH UTARA'.